

**TPM Hadir Majlis Rumah Terbuka Noh Omar
Bernama
Aug 7, 2014**

SHAH ALAM, 7 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin malam ini meluangkan masa menghadiri rumah terbuka Aidilfitri Pengerusi Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Noh Omar di sini.

Muhyiddin diiringi isteri beliau Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai serta anggota Umno Selangor dan badan bukan kerajaan (NGO).

Majlis itu turut diadakan bagi merai ulang tahun ke-30 perkahwinan Noh dan isteri beliau Datin Seri Aishah Salleh.

Kira-kira 4,000 orang hadir dalam majlis yang berlangsung dari pukul 6 petang hingga 11.30 malam.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1058732>